



SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/02/28_15 (HQ)

TNB GIAT PULIHKAN BEKALAN, SALURKAN BEKALAN KE PPS & PREMIS STRATEGIK

Tenaga Nasional Berhad (TNB) sedang giat memulihkan bekalan elektrik di daerah-daerah di Terengganu dan Kelantan yang terjejas akibat banjir.

"Warga kerja barisan hadapan TNB sedang bertungkus lumus di lapangan supaya bekalan dapat disalurkan secara berperingkat, bergantung kepada akses dan keadaan setempat," kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Baharin Din.

"TNB sentiasa peka dan turut bersimpati dengan keperitan rakyat yang sedang diuji dengan bencana dan TNB juga sentiasa menitikberatkan faktor keselamatan elektrik di waktu bencana banjir ketika ini."

Katanya TNB akan berusaha memulihkan bekalan secepat mungkin, namun keselamatan awam dan barisan hadapan menjadi keutamaan dalam usaha membaikpulih bekalan.

"Antara keutamaan kami adalah memulihkan pencawang yang terkesan dan aset lain termasuk dengan membuat pengujian bagi memastikan keadaan aset-aset ini selamat untuk menyalurkan bekalan."

Sebagai organisasi yang sentiasa prihatin dengan dugaan dialami rakyat yang sedang diuji dengan bencana, beliau berkata TNB akan segera memberikan semula bekalan, sebaik keadaan mengizinkan dan akan memastikan bekalan ke semua Pusat Pemindahan Sementara (PPS) berada dalam keadaan baik.

"Selain PPS, kami akan memastikan bekalan elektrik yang berterusan ke premis strategik seperti hospital dan balai polis termasuk melalui set janakuasa mudah alih jika premis berkenaan tidak dapat menerima bekalan daripada pencawang."

Baharin juga menasihati pengguna di kawasan banjir untuk menghubungi TNB CareLine di talian 15454 atau facebook TNB CareLine jika ada pepasangan TNB, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mahupun Jabatan Kerja Raya (JKR) yang beralih atau tumbang.

"Sentiasa jauhkan diri daripada menghampiri tiang elektrik, pepasangan elektrik dan kabel elektrik termasuk yang bersalut dengan penebat yang ditenggelami air. Semua ini mungkin masih mempunyai arus bekalan elektrik dan boleh menyebabkan risiko renjatan."

S.A. 2022/02/28_15 (HQ)

Orang ramai juga dinasihatkan agar berhati-hati ketika menggunakan peralatan elektrik jika premis mereka dinaiki air. Elakkan menyentuh alat elektrik atau suis dengan tangan yang basah dan lembap kerana ia boleh menyebabkan renjatan elektrik.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 28 Februari 2022, jam 2:00 petang

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /
Grace Tan 016-6626229 / Asma' Razak 013-2505433
atau emel kami: media@tnb.com.my*



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Baharin Din



Pasukan Pepasan Talian Atas Grid TNB sedang melakukan kerja-kerja pemasangan wayar pembumian sementara di menara Talian 132kV dari Kuala Terengganu ke Kenyir sebagai persediaan bagi aktiviti pemulihan semula talian 132kV dari Kuala Terengganu ke Chendering.

Pemulihan talian Grid ini sekaligus akan meningkatkan daya harap dan kesiapsiagaan bekalan elektrik talian 132kV ke kawasan Chendering dan sekitarnya bagi menghadapi fenomena bencana banjir ini.